

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**  
**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apa terjadi dengan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan MyTrace? Berapakah kos? Berapakah peratus kes positif yang dikenal pasti oleh *contact-tracing* dari sistem-sistem pengurusan pangkalan data yang dibangunkan oleh Kerajaan termasuk MySejahtera?

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Analisis *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) masih giat digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP), Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan penularan wabak. Sistem ini mengenal pasti kebarangkalian punca jangkitan COVID-19 di sesuatu lokasi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tiada kos terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan HIDE kerana ia menggunakan data-data sedia ada dalam MySejahtera.
2. MyTrace adalah satu inisiatif di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) bagi tujuan pengesanan kontak pada peringkat awal berlakunya penularan tetapi telah ditamatkan penggunaannya pada bulan Disember 2020.
3. Sehingga kini, sebanyak 7% kes daripada keseluruhan kes COVID-19 telah dikenal pasti melalui penggunaan penilaian kendiri di MySejahtera, dan sebanyak 53% kes telah dikenal pasti melalui pengesanan kontak menggunakan MySejahtera.

Sekian terima kasih.